

# **WACANA SEMIOTIK DI LAMAN BLOG: KAJIAN KES KE ATAS SABAHKINI.NET (SEMIOTIC DISCOURSE ON BLOG SITE: A CASE STUDY OF SABAHKINI.NET)**

<sup>1</sup>Syahruddin Hj. Awg. Ahmad, <sup>2</sup>Nik Norma Nik Hassan & <sup>3</sup>Adnan Hussein

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

<sup>2,3</sup>Universiti Sains Malaysia, Penang

(syahag@ums.edu.my)

## **Abstract**

Semiotic discourse (Idris Aman, 2008) is part of discourse process used to deliver a message on such an issue. Semiotic discourse consists of photographs, graphic illustrations, symbols and icons as it can be accessed visually by the audience of the particular blog site. Graphic illustrations featured in Sabahkini.net purposely displayed to portray local political issues, personalities and also political party through particular 'sign'(s). An audience's understanding of the issues discussed via blog tested through the display of sign woven in the photograph accompanying the article. Blogger put the visual material to increase understanding on the issue of blog visitors or is likely to present issues in a joke. Hence, the blog site visitors will be graphically stimulated to share their views and arguments on such an issue.

*Keywords:* semiotic discourse, sign, metaphor & metonymy

## **Pendahuluan**

Komuniti Internet di Sabah mungkin sedang melalui fasa pembangunan kemahiran menulis untuk menyampaikan idea untuk dikongsi menerusi laman blog. Wu H.J dan Theng Y.L. (2005) yakin bahawa laman blog digunakan sebagai platform untuk menyalurkan idea serta pendapat berkaitan dengan isu politik dan sosial tempatan. Pertambahan bilangan komenar dalam menghujahkan isu dalam laman blog Sabahkini.net menyaksikan penampilan individu tertentu dalam masyarakat yang berusaha menggunakan laman blog sebagai gelanggang perkongsian maklumat dan perdebatan isu.

Tambahan pula, blog Sabahkini.net merupakan urus setia kepada Persatuan Blogger Sabah (PBS) yang menggalakkan mana-mana *blogger* tempatan di negeri ini untuk bernaung di bawah persatuan berkenaan. Mobiliti sosial (Dahrendorf, 1959) dan penggunaan sumber secara bebas dalam masyarakat boleh mendorong kepada terbentuknya aktiviti saling mempengaruhi antara ahli dalam masyarakat khusus untuk merangsang perubahan dalam masyarakat tersebut. Dalam masa pada itu, perubahan dalam konteks pembangunan ekonomi dan sosial (Syahruddin Ahmad, Fadzilah Majid Cooke, Gaim@James Lunkapis, & Marja Azlima Omar, 2008) sesebuah masyarakat dipengaruhi sebagiannya oleh perkembangan teknologi dan sebahagian lagi oleh pembangunan setempat yang bertindak sebagai petunjuk ekonomi masyarakat itu dari masa ke semasa.

Tingkah laku warga sesebuah negara dan kumpulan dalam masyarakat yang demokratik memainkan peranan masing-masing untuk mengumpul, menganalisis dan menyebarkan bahan media yang bermaklumat sesama mereka menunjukkan dua elemen asas dalam masyarakat era moden iaitu, a) keinginan untuk mencari sumber berita yang sahih (Lih, 2004); dan, b) penggunaan maklumat yang tepat dan benar untuk tujuan memperjuangkan hak dalam sebagai rakyat. (Bowman & Willis, 2003) Kenyataan ini berkait rapat dengan ciri-ciri unik laman blog sebagai jurnal yang boleh dikemas kini yang berupaya menyediakan ruang secara atas talian bagi *blogger* (pemilik blog) untuk menyampaikan idea serta pendapat beliau menerusi "posts," khusus bagi individu *blogger* serta pengunjung laman blog tersebut berkongsi entri berita atau komenar.

Aplikasi "posts" lazimnya dihubungkan dengan bahan berita menggunakan *hyperlink* ke laman portal berita atau laman sesawang yang lain. Kandungan laman blog merangkumi semua jenis komenar yang berkaitan dengan analisis politik, nasihat, hobi, pengumuman dan sebagainya. Laman blog begitu penting digunakan sebagai alat bukan sahaja oleh golongan profesional malah juga individu yang mempunyai matlamat untuk menjual produk atau perkhidmatan, mempelopori ideologi dan memperkenalkan idea tentang satu-satu perkara. (Drezner & Farrell, 2004, 2008)

Herring, Scheidt, Bonus dan Wright (2004) berpendapat bahawa laman blog sebenarnya dibina di atas struktur media tradisional terutama dalam hal berkaitan penerbitan dan kaedah komunikasi (Vuorinen, 2005) seperti pengempang berita, kolumn, diari dan audien yang disasarkan mengikut konteks bahan media tersebut di mana Miller (2009) menyatakan bahawa individu yang menyumbang kepada perkembangan idea dalam laman blog digelar sebagai *bloggers*, tindakan mengirim posts atau komen pula disebut sebagai *blogging*, manakala, keseluruhan komuniti laman blog dinamakan sebagai *blogosphere*. Sungguhpun begitu, laman blog yang bersifat interaktif telah membolehkan pengunjung-pengunjungnya menambah komenar atau

bertukar-tukar mesej antara satu sama lain. Ciri inilah yang menyebabkan laman blog berbeza dengan laman sesawang statik.

Sebilangan besar laman blog menawarkan perkongsian komenar dan bahan berita yang relevan dengan topik yang dianjurkan oleh seseorang pemilik laman blog, manakala, sebilangan laman blog yang lain hanya membatasi fungsinya sebagai diari atas talian (Reynolds, 2005). Laman blog umumnya mengandungi teks, gambarfoto, ilustrasi dan hiperangkai yang menghubungkan laman blog tersebut dengan laman blog, laman sosial, mikroblog dan portal berita. Sungguhpun begitu, Lenhart dan Fox (2006) menjelaskan bahawa komenar dalam laman blog adalah ciri utama yang menjadikan laman blog pusat tumpuan pengunjung laman blog untuk berkongsi pandangan dan nasihat sesama pengunjung laman blog yang lain. Dengan kata lain, ciri interaktif yang ada pada laman blog menyebabkan individu dan komuniti mempunyai ruang untuk melontarkan idea dan pendapat mereka tentang sesuatu perkara. Fungsi interaktif ini jugalah yang menjadikan laman blog setaraf dengan laman sosial seperti *Facebook* dan mikroblog seperti *Twitter*. Ahli-ahli masyarakat akan berasa bangga dan dihargai kerana dapat menyertai aktiviti sosial di laman blog.

Wacana di laman blog akan lebih menarik jika bahan yang dikongsi membantu wacana tersebut terutamanya dalam memberikan gambaran tentang situasi yang sedang dibincangkan. Begley (2010) menjelaskan bahawa gambar foto, ilustrasi, teks yang diperoleh daripada hiperangkai dan petikan kata daripada tokoh terkemuka boleh memberikan nilai kepada perbincangan. Laman web yang dirangkaikan kepada bahan-bahan bermaklumat antara satu laman dengan laman yang lain membantu menghubungkan idea, fakta dan kreativiti sesama pengunjung laman tersebut. Selain daripada itu, ia juga dapat menggambarkan personaliti pewacana sebagai seorang yang mempunyai ketramilan dan boleh dipercayai. Bahan yang palsu, direka atau diubahsuai pula boleh menyebabkan pihak lain tersinggung dan berasa ditipu. Oleh itu, maka perlu wacana diorientasikan atas landasan agama dan moral sebagai panduan berwacana secara beretika. Pegangan yang kukuh terhadap larangan menyebarkan fitnah atau mengadu domba dapat menjadikan wacana di laman blog lebih matang.

Komenar di laman blog baik dalam bentuk teks mahu pun gambarfoto atau ilustrasi adalah nadi kepada laman blog itu sendiri. Komenar dalam laman blog juga merupakan entiti yang membentuk interaksi sosial dalam bentuk perbualan atas talian. Situasi ini menjurus kepada penglibatan lebih ramai pengunjung laman blog untuk terlibat secara langsung dalam diskusi yang menarik perhatian mereka. Seterusnya *blogger* akan menjadi popular jika isu yang dikemukakan dalam bentuk artikel dan ulasan berita dapat menggamit perhatian media elektronik dan media cetak. (Gunelius, 2012) Berger dan Bradac (1982) optimis mengatakan bahawa komenar atau wacana (Van Dijk, 1990) menerusi penggunaan bahasa membantu pembentukan

pendapat dan penghasilan kesan impresif yang disempurnakan menggunakan pendekatan wacana secara bebas terhadap satu-satu topik atau isu mengikut konteks pewacana dan sasaran penerima maklumat wacana berkenaan.

### **Sabahkini: Saluran Pemikiran dan Cara Penyampaiannya kepada Umum**

Semakin besar kadar penembusan internet (Canton, 2007) dan lebih *techsavvy* setiap warga Malaysia, maka, semakin mudah proses pendemokrasian masyarakat dan institusi dalam masyarakat akan berlaku. (Nik Nazmi Nik Ahmad, 2011) Situasi ini juga mungkin mendorong pertambahan saiz dan bilangan wacana (Reich & Solomon, 2008) terutama dari segi pembabitan lebih ramai pihak yang datang daripada latarbelakang yang berbeza-beza. Keadaan ini membuktikan bahawa pengunjung laman blog semakin ramai. Kenyataan ini mungkin telah mendorong *blogger* yang memiliki portal Sabahkini.net untuk terus merangsang para pengunjung laman blog untuk membuat justifikasi terhadap bahan media yang diketengahkan. Setiap pengunjung laman blog tersebut dialu-alukan untuk menyokong atau membantah apa-apa bentuk ulasan, hujah atau pandangan yang dikemukakan oleh *blogger* dan pengunjung laman lain menerusi ruangan ‘post’.

Komuniti Internet sebagai sebahagian daripada struktur sosial dalam satu-satu masyarakat adalah komponen penting yang membentuk rangka kerja pembangunan aspek peradaban dan cara masyarakat membuat penilaian terhadap visi masyarakat itu sendiri dalam semua aspek sosial, ekonomi dan politik. (Petty & Caccioppo, 1986) Laman blog menyediakan saluran yang sesuai bagi individu dan kumpulan dalam masyarakat untuk membuat penilaian tentang individu serta kumpulan lain dalam masyarakat yang sama secara maya (*virtual*). Bagi George (2006), ruang maya juga menyebabkan pihak tertentu dalam masyarakat mengambil kesempatan untuk memanfaatkan perjumpaan secara atas talian untuk menyebarkan ideologi politik, kebebasan bersuara dan bantahan terhadap polisi awam yang tidak mesra rakyat.

Sabahkini.net sebagai laman blog yang menyediakan *hyperlink* berita, rangkaian, ke laman sosial *Facebook* dan mikroblog *Twitter* dan *Youtube* boleh dilabel sebagai laman blog berita yang turut menyediakan platform perbincangan. Paparan bahan berita dan ulasan ke atas bahan berita tersebut begitu seimbang dan tidak memihak kepada mana-mana individu atau kumpulan dalam masyarakat. Laman blog ini juga agak unik dari sudut persempalan bahan dengan mengemukakan gambar yang diolah khusus untuk dijadikan sebagai alat bantu untuk menerangkan kandungan teks. Menurut McKee (2001) ‘konteks’ penceritaan satu-satu isu begitu penting dalam membantu kita memahami makna sebuah teks yang disampaikan dalam genre tertentu. Sebagai contoh, warna ‘merah’ adalah perlambangan

yang boleh digunakan untuk menunjukkan sifat ‘panas,’ simbol ‘berani’ atau petanda ‘amaran’ jika digunakan mengikut konteks tempat, masa dan tujuan.

Bagi segelintir ahli masyarakat, paparan bahan berita yang dipaparkan mengikut konteks yang disertakan foto atau ilustrasi mungkin menyebabkan mereka lebih berminat untuk mengetahui kandungan bahan berkenaan. Perdebatan di laman blog juga akan lebih bersifat grafik di mana pewacana mengetengahkan pendapat masing-masing dalam bentuk kata bual, merujuk kepada aspek simbol dan ikon (*tanda* [‘sign’] serta lebih kritis berbanding hujah yang hanya berpandukan intipati tekstual semata-mata di mana teks yang dirujuk mungkin dihasilkan secara *copy* dan *paste*. Reich & Solomon (2008) optimis mengatakan bahawa *hyperlink* atau hiperangkai yang dihubungkan terus kepada laman portal berita atau blog lain yang mengandungi teks asal (dalam bentuk rencana, gambar atau statistik) sebenarnya membolehkan pewacana mendapatkan bahan yang kelak boleh merangsang wacana yang lebih bermaklumat seadanya.

Sebilangan yang lain pula akan berasa tersinggung atau terganggu apakah lagi gambaran menggunakan teknik *superimposed* (teknik tindihan imej) bagi foto pemimpin atau tokoh dalam masyarakat digunakan untuk menghiasi artikel dalam satu-satu laman blog (Drezner & Farrell, 2008). Terdapat juga kemungkinan ahli masyarakat menganggap penyedia kandungan laman blog tidak menghormati pemimpin serta tokoh yang digambarkan dalam foto. Walau bagaimanapun, Webber (2009) memiliki pandangan yang objektif bahawa penyampaian bahan berita secara artistik boleh diaplikasikan sebagai satu opsyen sinikal untuk memperkatakan satu-satu topik khususnya dalam diskusi berkaitan isu politik. Hal yang demikian mungkin dianggap perlu dilakukan oleh penulis artikel pojok politik apakah lagi jika terdapat isu sampingan atau makna yang tersirat yang ingin disampaikan secara berkias dengan tujuan untuk menggambarkan sikap dan pendirian seseorang tokoh politik.

Terdapat pelbagai cara untuk menghasilkan wacana secara semiotik wacana (komunikasi tanpa ujar, bukan dengan teks) dan cara-cara menghasilkan semiotik menggunakan gambar foto (Ilustrasi Grafik 1) dilakukan dengan teliti dengan memasukkan elemen tanda (‘sign’) yang boleh difahami audien. Kaedah *anchorage* digunakan untuk menghasilkan atau menghasilkan semula satu-satu set makna ke atas imej tertentu (lazimnya gambar foto, ilustrasi dan bahan audio visual) (Rayner, Wall, & Kruger, 2001). Salah satu prasyarat dalam paparan ikon, tanda, simbol dan isyarat adalah menerusi penerapan ciri-ciri unik dan tersendiri yang dapat memberitahu audien tentang satu-satu isu. Terdapat hubungan *triadic* (tiga penjuru) antara objek, penerima mesej dan pengirim mesej. Setiap objek atau imej yang dipaparkan dianggap mewakili satu-satu perkara. Ciri-ciri khusus tersebut akan mewajarkan logik dalam pemikiran si penerima mesej. Manakala, kewujudan ciri-ciri simbolik yang menghiasi objek pula dilabel sebagai

(*physical existence* (disebut juga oleh Peirce *material quality* atau *representamen*, *expression* atau *substance of expression* atau *sign vehicle*) (Proni, 1990).

Walau bagaimanapun, makna yang ditafsirkan oleh seseorang audien sebenarnya wujud dalam fikiran individu. Aspek ‘konkrit’ (ditunjukkan secara tersurat [denotatif] dalam objek) dan ‘abstrak’ (ditunjukkan secara tersirat [konotatif]) yang membentuk simbol dalam objek yang dipaparkan akan hanya dapat difahami jika elemen pengetahuan, latar belakang pendidikan, bahasa dan nilai digunakan sebagai panduan oleh individu tersebut. Individu yang mempunyai pengetahuan meluas tentang satu-satu isu yang diperkatakan dalam wacana yang dipersembahkan oleh penyedia wacana akan lebih mudah memahami penceritaan isu menggunakan semiotik wacana berbanding individu yang kurang maklumat tentang isu yang berkenaan.

Terdapat perbezaan antara objek yang bersifat ‘abstrak’ dan ‘konkrit’ dalam ilustrasi grafik yang dipaparkan bersama-sama tekstual wacana (artikel) di Sabahkini.net tetapi makna hakiki yang cuba disampaikan oleh penyedia bahan di laman blog tersebut dan penggunaan objek itu sendiri masih merujuk kepada kedua-dua aspek ‘konkrit’ dan ‘abstrak.’ Piaget (1961) berpendapat bahawa sebarang subjek yang ditafsirkan oleh seseorang manusia sebenarnya mempunyai makna yang boleh ditaksirkan dalam bentuk empirikal dan logik di mana secara kognitif (Piaget, Fraisse, Vurpillot, & Francès, 1963) setiap fakta boleh disusun atur dan difahami mengikut skema rujukan tertentu. Dalam masa yang sama, individu yang mentafsirkan satu-satu objek itu boleh mengaitkan objek berkenaan dengan diri serta persekitarannya walaupun proses mentafsir itu bermula dengan perbuatan mempersepsi sesuatu. Ini kerana maklumat atau fakta yang ingin dicari akan timbul daripada pemahaman ke atas subjek itu sendiri.

Fiske (1990) percaya bahawa setiap tahap pengetahuan wujud dalam konteks dan pola tertentu walaupun proses memahami satu-satu isu atau perkara yang wujud dalam pemikiran seseorang menjurus kepada situasi ‘abstrak’ dan ‘konkrit’ ke atas subjek yang cuba ditafsirkan. Analisis semiotik dilihat berupaya membantu seseorang untuk mentafsirkan wacana mengikut ‘model’ dan ‘skema’ yang dibina mengikut piawaian tertentu mengikut konteks dan persekitaran subjek yang ditafsirkan.

Istilah semiotik (lazimnya dirujuk sebagai ‘semiologi’) adalah terma yang berasal daripada perkataan Greek iaitu *semeion* yang bermaksud ‘sign’ atau tanda. Charles Sanders Peirce (1839-1914) menjelaskan bahawa wujud hubungan antara ‘sign’(tanda), ‘object’ (objek) dan ‘interpretant’ (pentafsir) di mana Peirce merujuk ‘sign’ (tanda) sebagai sesuatu yang boleh mendatangkan makna. Walau bagaimanapun, Ferdinand de Saussure (1857-1913) melihat ‘sign’ sebagai objek fizikal yang mempunyai makna yang mempunyai petunjuk atau ‘signifier’ dan boleh memberi petunjuk (‘signified’). Petunjuk (‘signifier’) adalah penggerak kepada wujudnya tanda dan sesuatu yang memberi petunjuk (‘signified’) boleh difahami sebagai konsep yang ada dalam

minda seseorang yang boleh mewakili sesuatu yang boleh difahami secara umum oleh individu lain dalam masyarakat atau komuniti yang sama yang mempunyai budaya dan bahasa yang sama (Fiske, 1990). Manakala, Noth (1990) yakin pandangan Saussure tentang makna yang ada pada satu-satu tanda ('sign') akan hanya wujud dalam konteks hubungan antara tanda ('signs') dengan audien yang disasarkan untuk mentafsir makna yang cuba ditonjolkan menggunakan tanda ('sign') tersebut. Dalam bidang semiotik, terdapat tiga perkara asas yang perlu diambil kira iaitu,

- tanda ('sign');
- kod atau sistem di mana tanda itu dihasilkan; dan,
- budaya di mana kod dan tanda itu dioperasikan.

Bidang semiologi secara praktis turut membantu kita menghuraikan bagaimana proses komunikasi dapat direalisasikan dengan menggunakan sistem tanda ('sign') yang boleh berfungsi mengikut peraturan dan struktur tertentu. (O'Shaughnessy & Stadler, 2008) Tanda ('sign') adalah sesuatu subjek yang bersifat fizikal, boleh diperhati, didengar atau dirasa dan ia merujuk kepada sesuatu yang lain daripada subjek itu sendiri di mana ia bergantung kepada individu yang mengenalpasti tanda tersebut. Fiske (1990) mengatakan bahawa Peirce menklassifikasi tanda ('sign') kepada tiga jenis iaitu,

- a) **Ikon:** wujud secara tersirat dan tersurat dalam sesuatu objek e.g tokoh, tempat terkenal dan peristiwa
- b) **Indeks:** hubungan terus antara tanda ('sign') dan objek – bukan analogi tetapi secara intrinsik memperlihatkan sesuatu yang ingin disampaikan adalah maksud sebenar e.g. kadar amaun asap menunjukkan indeks kebakaran; jeritan adalah indeks ketakutan
- c) **Simbol:** tidak ada hubungan atau persamaan antara tanda ('sign') dan objek – alat kepada sesuatu seperti simbol 'RM' atau '\$' mewakili matawang dan wang itu sendiri.

### Tanda ('Sign') dan Hubungannya dengan Isu yang Dipaparkan dalam Laman Blog

Kedua-dua elemen tanda ('sign') dan hubungan dengan perkara yang diperkatakan adalah dua aspek penting dalam analisa semiotik. Gambar sebuah kapal layar klasik (Ilustrasi Grafik 3) mungkin dapat mengaitkan elemen klasik yang ada pada Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang ditubuhkan seawal 11 Mei 1946. Terdapat isu politik yang membelenggu pemimpin, ahli parti dan parti politik yang mewakili bangsa Melayu di Malaysia. Gambar yang sedemikian juga boleh mengundang persoalan tentang

kemampuan serta kekuatan UMNO sebagai sebuah parti politik Melayu untuk dapat melestarikan perjuangan bangsa Melayu dalam dekad yang mendatang.

Semiotik sebenarnya bukanlah setakat alat untuk menghuraikan aspek seni yang ada pada gambar, ilustrasi atau arca. Semiotik lebih tertumpu kepada proses mentafsir makna dan cara seseorang mentafsirkan sesuatu atas dasar ilmu dan cara berfikir terhadap sesuatu perkara dengan cara mengaitkan satu-satu perkara yang difikirkan itu dengan maklumat yang dibaca, dilalui sendiri oleh individu berkenaan (pengalaman) atau didengar daripada sumber lain. Dalam analisis semiotik, aspek *arbitrary* dan *temporary separation* dilakukan untuk membuat pentafsiran antara kandungan (substantial) dan bentuk (struktur) serta sistem yang membentuk simbol atau teks yang dianalisa di mana bahasa adalah suatu sistem simbol yang membantu manusia untuk menyampaikan idea dan ia boleh disampaikan dalam bentuk lisan atau tulisan (Berger, 1998).

### **Metafora dan Metonymy**

Metafora dan *metonymy* adalah dua cara yang penting dalam menyampaikan makna satu-satu perkara (Noth, 1990). Penggunaan metafora dapat membantu memberikan kefahaman satu-satu pihak terhadap satu-satu perkara dengan cara memberikan *analogi* (gambaran persamaan). Seterusnya, *metonymy* dapat memperlihatkan hubungan antara subjek yang dibentuk menggunakan penyatuan (*association*) makna di mana individu menggunakan terma rujukan yang sedia ada dalam fikiran masing-masing dengan satu-satu perkara yang digambarkan dalam teks atau simbol itu berkaitan antara satu sama lain. Aspek *metonymy* adalah perkara asas yang membentuk satu-satu pengucapan atau penulisan seseorang yang membolehkan pendengar atau pembaca memahami perkaitan antara idea, topik yang diketengahkan untuk diwacanakan dan hujah yang digunakan untuk menjayakan wacana.

Walau bagaimanapun, aspek metafora dan *metonymy* lazimnya dicampur adukkan penggunaannya antara satu sama lain yang mewajarkan kepentingan dari sudut tujuan dan genre bahan media yang digunakan oleh penyedia kandungan media untuk berinteraksi dengan audien. Namun, Wetherell (2001) memperincikan perbezaan yang ketara antara keduanya iaitu metafora menjana makna untuk difahami oleh audien. Sebaliknya, *metonymy* pula menghendaki seseorang sentiasa menyimpan kod dalam fikirannya dan menggunakan kod tersebut untuk mentafsirkan makna dalam komunikasi antara pengirim dan penerima mesej. Wacana dalam konteks semiotik memperlihatkan fungsi teknikalnya sebagai amalan untuk berinteraksi atau "discursive practices".

Dalam konteks "discursive practices" ini para pewacana cenderung memilih perkataan dan ayat berupaya memberi impak kepada nilai mesej yang diterima dan dipertimbangkan untuk dimanfaatkan oleh penerima mesej


tersebut dalam kalangan ahli masyarakat. Penjelasan oleh Wetherell ini memberi gambaran sebenar tentang semiotik wacana sebagai salah satu cara untuk memahami interaksi sosial. Manakala, kerangka semiotik wacana yang menjurus kepada aspek gambarfoto diusahakan oleh seseorang *blogger* untuk mengaitkan isu yang diwacanakan dengan praktis atau proses sosial yang cuba diungkapkan agar audien memahami kedudukan individu tokoh dalam isu tersebut. Item yang menjadi intipati semiotik wacana (Johnstone, 2002; Schiffrin, Tannen, & Hamilton, 2003) menjadi pelengkap dalam set teksual wacana (artikel) di mana foto dan teks wacana diintegrasikan sebagai panduan untuk audien mentafsir konteks bagi mentranskripsikan semula maklumat berkaitan satu-satu isu yang berlaku dalam masyarakat.

### **Analisis Semiotik Wacana di Sabahkini.net**

Ilustrasi Grafik 1 menunjukkan ikon politik negeri Sabah yang dipaparkan secara separa karikatur di atas sekeping papan catur. Umum tahu bahawa politik berkait rapat dengan pihak yang berlawanan ideologi, mempunyai kepentingan tertentu dalam parti dan juga kedudukan malah juga menggunakan strategi tertentu untuk mencapai matlamat dalam politik itu sendiri. Aspek metafora papan catur digunakan sebagai analogi kepada resam perlakuan ahli politik dalam dunia politik secara umum. Papan catur sebagai penghubung antara elemen pertentangan, persaingan dan strategi serba sedikit dapat menceritakan bagaimana kemelut politik di peringkat negeri Sabah berada dalam kelasnya yang tersendiri. Setiap individu tokoh yang digambarkan dalam ilustrasi grafik dikatakan mempunyai sebab untuk berjuang dan mendapat sokongan daripada akar umbi bagi meneruskan kelestarian kepimpinan dalam parti. Berbagai isu diselitkan sebagai punca dan jangkaan kepada berlakunya perseteruan politik dan juga kaedah untuk menanganinya di peringkat kepimpinan parti pemerintah negeri dan pusat.

Penulis artikel isu politik yang dirujuk dalam ilustrasi grafik menjelaskan perincian tentang kesukaran Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) sebagai parti pemerintah di peringkat negeri untuk terus mengekalkan kepercayaan serta pengaruh jika Datuk Seri Panglima Musa Aman (DSPMA) menjadi tumpuk kepimpinan negeri. Ini kerana desas-desus bertiup kencang di negeri di bawah bayu itu bahawa wujud pakatan dalam kalangan ahli majlis tertinggi parti pemerintah untuk mencabar kedudukan pemimpin berkenaan di peringkat negeri. Percaturan DSPMA ke atas parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri Sabah seperti Liberdal Democratic Party (LDP) dan Parti Bersatu Sabah (PBS) dikatakan membawa padah kerana strategi yang digunakan tidak mendapat restu pucuk pimpinan UMNO (Lim, 2011).

**Ilustrasi Grafik 1: Blogger seolah-olah mahu pengunjung laman blog membuat penilaian ke atas setiap tokoh dan pemimpin yang ditampilkan dalam ilustrasi**



Sumber: Lim (2011)

Penceritaan dalam teks wacana sebenarnya dicerminkan selari dengan setiap tanda ("sign") yang dipamerkan secara tersurat dan tersirat pada ilustrasi grafik. Sebagai contoh, aspek ikon secara tersurat menunjukkan wajah pemimpin-pemimpin atau tokoh politik negeri Sabah yang saling bersaing antara satu sama lain, manakala, aspek simbol pula secara tersirat cuba menceritakan peranan papan catur, perbezaan saiz gambar wajah tokoh dan kedudukan (hierarki) mengikut susunan gambar tokoh di atas papan catur.

Ilustrasi Grafik 2 memaparkan foto yang diolah (dihasilkan semula menggunakan teknik komputer grafik) daripada poster filem *Pirates of Caribbean* di mana, jutawan tempatan, tokoh-tokoh politik dan pemimpin masyarakat di negeri Sabah dikatakan mempunyai pertalian antara satu sama lain dalam menggerakkan perancangan mengambil hak milik tanah penduduk di Semporna (tanah pesisir pantai berdekatan dengan Hotel Seafest Semporna). Artikel yang dimuat naik bersama ilustrasi grafik berusaha menguntai cerita tentang posisi dan tindak-tanduk yang diambil oleh seorang tokoh perniagaan yang mempengaruhi hampir setiap bentuk serta keputusan rasmi pegawai

kerajaan terutama ke atas kepentingan tanah yang diwartakan untuk tujuan perikanan dan jabatan kerajaan. Individu tokoh yang dikaitkan dalam isu dianalogikan sebagai lanun. Istilah lanun (dalam bahasa tempatan juga dikenali sebagai ‘mundu’) merupakan metafora kepada individu atau kumpulan penyamun yang mengoperasi rompakan di laut.

Ilustrasi Grafik 2: Tokoh-tokoh pemimpin digambarkan sebagai watak dalam filem Hollywood yang berjudul *Pirates of Caribbean*



Sumber: Pemerhati Politik Semporna (2010)

Lanun juga merupakan ikon antagonis yang sengaja digunakan oleh *blogger* untuk mengaitkan peribadi serta tindakan setiap tokoh dalam isu tersebut. Lanun dalam konteks isu berkenaan boleh wujud dalam dua *metonymy* jika ditinjau dari sudut pandangan rakyat negeri Sabah iaitu, pertama, tokoh perniagaan berkenaan terbabit secara langsung atau tidak langsung dalam gera kerja perampasan tanah dan dianggap tidak mengikut prosedur yang betul ke atas aset yang digazet untuk tujuan perikanan dan kegunaan jabatan kerajaan di pekan Semporna; dan, kedua, tokoh perniagaan (disebutkan namanya dengan jelas dalam artikel) dikatakan mempunyai rekod negatif yang sememangnya boleh dikaitkan secara langsung dengan aktiviti menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri tokoh berkenaan (Pemerhati Politik Semporna, 2010). Lanun dari sudut simbol dianggap negatif kerana sering kali dianggap berlawanan dengan nilai yang diterima dalam masyarakat. Oleh itu, penyedia ilustrasi grafik dianggap berjaya menggunakan

ikon sedemikian sebagai satu cara yang paling hampir untuk menggambarkan kedudukan tokoh pemimpin dalam isu yang diperkatakan dalam artikel.

Ilustrasi Grafik 3 menunjukkan sebuah kapal layar yang layarnya ditandai dengan logo UMNO sedang mengharung ombak di tengah samudera. Isi kandungan artikel menceritakan tentang sejarah UMNO sejak ia mula bertapak di negeri Sabah. Penceritaan susur galur perkembangan sejarah parti tersebut di negeri Sabah menyaksikan berbagai kemelut politik pra- dan pasca-kedatangannya ke negeri tersebut. Terdapat beberapa aspek semiotik yang boleh dihubungkan terus kepada pengetahuan pembaca artikel iaitu, a) logo UMNO sebagai ikon kepada parti pemerintah di negara ini; b) kapal layar klasik sebagai aspek indeks kepada usia parti UMNO; c) lautan merujuk kepada aspek *metonymy* yang dapat menunjukkan kedudukan serta jarak antara Sabah dan Semenanjung (tempat asal UMNO); dan, d) haluan kapal menuju ke negeri Sabah dikatakan sebagai pelayaran pertama ('first maiden') yang akan diingati sampai bila-bila baik oleh tokoh politik tempatan di negeri Sabah, pemimpin UMNO pusat dan juga pemerhati politik kerana kedatangan UMNO ke negeri ini membawa bersama isu serta cabaran yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk negeri ini khasnya dan juga UMNO itu sendiri dalam konteks pengukuhan kuasa di peringkat nasional.

Paparan tanda ('sign') yang tepat dari sudut metafora dapat membantu pembaca artikel memahami bagaimana UMNO sebagai parti dari tanah semenanjung berusaha membawa mempelopori budaya politik baharu di negeri yang tidak berorientasikan visi dan misi UMNO itu sendiri. Kedatangan UMNO ke negeri Sabah juga dianggap membawa pengaruh kepada cara berfikir dan budaya berpolitik yang agak berbeza dengan pemikiran serta resam politik tempatan di negeri tersebut. Legasi UMNO yang paling besar adalah sistem penggiliran ketua menteri secara perwakilan selama dua tahun mengikut komposisi kaum di Sabah yang sememangnya tidak pernah dilakukan di mana-mana negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, sistem tersebut berakhir dalam tahun 2004 dan pada tahun tersebut maka bermulalah permainan catur untuk menentukan tumpuk kuasa dan perkongsian kuasa mengikut komposisi kaum berada di landasan yang sepatutnya. Pertimbangan Ketua Menteri Sabah dalam mengatur strategi pentadbiran di peringkat negeri dikatakan tidak menjadi sehingga menuntut campur tangan pucuk pimpinan di peringkat persekutuan untuk memastikan kaum-kaum yang ada di negeri Sabah tidak rasa terpinggir yang akhirnya boleh membawa kepada kepincangan dari sudut sokongan politik (Mohd. Jefri Radius, 2012).

**Ilustrasi Grafik 3: Kapal layar klasik yang dilabel dengan logo parti pemerintah sedang meredah ombak di tengah lautan**



Sumber: Mohd. Jefri Radius (2012)

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, justifikasi ke atas analisis semiotik merumuskan bahawa *blogger* Sabahkini.net menggunakan tanda ('sign') menerusi aspek ikon, indeks dan simbol secara meluas mengikut konteks isu. Setiap tanda ('sign') yang dipilih berjaya membantu *blogger* menghasilkan ilustrasi grafik yang dapat memberi gambaran tentang intipati tekstual wacana (artikel). Manakala, aspek metafora dan *metonymy* dilihat turut membantu *blogger* menyampaikan makna tersurat dan tersirat di sebalik aspek ikon dan simbol tertentu yang boleh secara langsung memperincikan posisi dan pembabitan satu-satu pemboleh ubah dalam satu-satu isu berkenaan. Namun, terdapat aspek penting yang perlu diambil kira untuk membantu kita memahami sebab di sebalik tindakan *blogger* memperkatakan sesuatu isu dalam konteks masyarakatnya. Aspek perwatakan serta personaliti seseorang *blogger*, jantina, asal-usul mahu pun fahaman politik serta kepercayaan agamanya mempunyai pengaruh tersendiri dalam membantu beliau menghasilkan gambar foto yang boleh diklasifikasikan sebagai semiotik wacana, perbahasan satu-satu isu

menggunakan pendekatan semiotik wacana dapat membantu pengunjung yang membaca kandungan artikel untuk memahami seterusnya mengemukakan pendapat beliau berkaitan dengan isu yang terkandung dalam artikel tersebut. Sungguhpun begitu, genre wacana semiotik sama seperti wacana tekstual (artikel) perlu mengambil kira reaksi audien terhadap wacana itu sendiri terutama dalam usaha kita memahami sejauh mana seseorang pembaca bahan wacana itu berjaya menaakul sekaligus memanfaatkan kandungan wacana berkenaan (Danesi, 1994). Terdapat kesan tertentu baik positif mahu pun negatif akibat paparan wacana yang direka bentuk menggunakan aspek semiotik terhadap audien laman blog dan jika situasi ini berlaku maka, kita akan dapat mengetahui bahawa wujud manipulasi dan bukannya usaha menyampaikan mesej daripada sumber mesej kepada penerimanya (Dyer, 1982). Analisis ke atas tanda ('sign') sebagai kod yang berbeza yang digunakan dalam semiotik wacana di laman blog juga boleh membantu kita memahami setakat manakah tanda ('sign') benar-benar berkesan untuk digunakan oleh *blogger* dalam usaha beliau menyampaikan makna tersurat dan tersirat kepada pembaca kandungan laman blognya.

## References

- Begley, S. (2010, 18 January). Your brain online: does the web change how we think? *Newsweek*, 3.
- Berger, C. R., & Bradac, J. R. (1982). *Language and social knowledge*. London: Arnold.
- Berger, A. A. (1998). *Signs in contemporary culture: An introduction to semiotics* (2nd ed.). Salem, Wisconsin: Sheffield.
- Bowman, S., & Willis, C. (2003). *We Media, How audiences are shaping the future of news and information*. Dipetik daripada <http://www.hypergene.net/wemedia/>
- Canton, J. (2007). *The extreme future: the top trends that will reshape the world in the next 20 years*. New York: The Plume Book.
- Dahrendorf, R. (1959). *Class and Class Conflict in Industrial Society*. Stanford: Stanford University Press.
- Danesi, M. (1994). *Messages and Meanings*. Toronto: Canadian Scholars' Press.
- Drezner, D. W., & Farrell, H. (2004). Web of Influence. *Foreign Policy*, 145, 32-40.
- Drezner D. W., & Farrell, H. (2008). Introduction: Blogs, politics and power: a special issue of Public Choice. *Public Choice*, 134, 1-13.
- Dyer, G. (1982). *Advertising as Communication*. London: Methuen.
- Fiske, J. (1990). *Introduction to Communication Studies*. London & New York: Routledge.

- George, C. (2006). *Contentious journalism and the internet: Towards democratic discourse in Malaysia and Singapore*. Singapore: Singapore University Press.
- Gunelius, S. (2010). *What Are Blog Comments?: The Importance of Blog Comments to Bloggers*. Dipetik daripada <http://weblogs.about.com/od/partsofablog/qt/BlogComments.htm>, 1-7.
- Herring, S., Scheidt, L. A., Bonus, S., & Wright, E. (2004). *Bridging the Gap: A Genre Analysis of Weblogs*. Proceedings of the 37th Hawaii Conference on System Sciences.
- Idris Aman. (2008). Bahasa dan kuasa: analisis wacana Barisan Nasional dalam pilihanraya umum Malaysia ke-11. *Akademika*, 72, 69-96.
- Johnstone, B. (2002). *Discourse analysis*. Malden, Massachusetts: Blackwell Publishing.
- Lenhart, A., & Fox, S. (2006). *Bloggers: a portrait of the internet's new storytellers*. Pew Internet & American Life Project. Dipetik daripada [http://www.pewinternet.org/~media//Files/Reports/2006/PIP%20Bloggers%20Report%20Jul y%202006.pdf](http://www.pewinternet.org/~media//Files/Reports/2006/PIP%20Bloggers%20Report%20July%202006.pdf).
- Lih, A. (2004). *Participatory Journalism and Asia: From Web Logs to Wikipedia*. Paper presented at the 13th Asian Media Information & Communications Centre Annual Conference: ICT & Media Inputs & Development Outcomes Impact of New & Old Media on Development in Asia, Bangkok, 1-3 July.
- Lim, K. H. (2011, 8 Jun). Musa terperangkap di papan catur. Sabahkini.net. Dipetik daripada [http://sabahkini.net/index.php?option=com\\_content&view=article&id=7374:musa-terperangkap-di-papan-catur-politik&catid=37:politik&Itemid=41](http://sabahkini.net/index.php?option=com_content&view=article&id=7374:musa-terperangkap-di-papan-catur-politik&catid=37:politik&Itemid=41).
- McKee, A. (2001). *A beginner's guide to Textual Analysis*. London: Sage Publications.
- Miller, M. (2009). *The internet at your fingertips*. New York: Penguin.
- Mohd. Jefri Radius. (2012, 12 Jun). Umno's maiden adventure in Sabah. Sabahkini.net. Dipetik daripada [http://sabahkini.net/index.php?option=com\\_content&view=article&id=13073:umnos-maiden-adventure-in-sabah&catid=37:politik&Itemid=41](http://sabahkini.net/index.php?option=com_content&view=article&id=13073:umnos-maiden-adventure-in-sabah&catid=37:politik&Itemid=41).
- Nik Nazmi Nik Ahmad. (2001). *Coming of age: A decade of essays 2001-2011*. Singapore: Marshall Cavendish.
- Noth, W. (1990). *Handbook of Semiotics*. Bloomington, Indiana: Indiana University Press.
- O'Shaughnessy, M., & Stadler, J. (2008). *Media & Society* (4th ed.). South Melbourne, Victoria: Oxford University Press.

- Pemerhati Politik Semporna. (2010, 2 Ogos). Pirate of carri-'BN' rompak tanah semporna. Sabahkini.net. Dipetik daripada [http://sabahkini.net/index.php?option=com\\_content&view=article&id=4554:pirate-of-carri-bn-rompak-tanah-semporna&catid=69:tanah-adat&Itemid=75](http://sabahkini.net/index.php?option=com_content&view=article&id=4554:pirate-of-carri-bn-rompak-tanah-semporna&catid=69:tanah-adat&Itemid=75).
- Petty, R. E., & Cacioppo, J. T. (1986). The elaboration likelihood model of persuasion. In L. Berkowitz (Ed.), *Advances in experimental social psychology* (pp. 123-205). New York: Academic Press.
- Piaget, J. (1961). *Les mecanismes perceptives*. Paris, France: Presses Universitaires de France.
- Piaget, J., Fraisse, P., Vurpillot, E., & Francès, R. (1963). La perception (7th. ed.), In P. Fraisse & J. Piaget (Eds.), *Traité de Psychologie Expérimentale* (pp. 1-162). Paris, France: Presses Universitaires de France.
- Proni, G. (1990). *Introduzione a Peirce*. Milano, Italy: Bompiani.
- Rayner, P., Wall, P., & Kruger, S. (2001). *Media Studies: The Essential Introduction*. London & New York: Routledge.
- Reich, B., & Solomon, D. (2008). *Media rules: Mastering today's technology to connect with and keep your audience*. New Jersey: John Wiley & Sons Inc.
- Reynolds, G. (2005). *An army of Davids: How market and technology empower ordinary people to beat big media, big government and other goliaths*. Nashville, Tennessee: Thomas Nelson.
- Schiffrin, D., Tannen, D., & Hamilton, E. H. (2003). *The handbook of discourse analysis*. New York: Wiley-Backwell.
- Syahruddin Ahmad, Fadzilah Majid Cooke, Gaim@James Lunkapis, & Marja Azlima Omar. (2008). 'Bingkai' laporan berita isu tanah di Ulu Kiulu, Sabah dan pengaruhnya ke atas pemilik tanah, pemimpin pendapat, SUHAKAM dan agensi kerajaan negeri. *Borneo Research Journal*, 2, 111-121.
- Van Dijk, A. T. (1990). Social Cognition and Discourse. In H. Giles & W. O. Robinson (Eds.), *Handbook of Language and Social Psychology* (pp. 163-183). London: John Wiley & Sons Ltd.
- Vuorinen, K. (2005). *Using weblogs for discussion*. Unpublished Masters Thesis, University of Tampere, Tampere.
- Webber, J. (2009). *The existentialism of Jean-Paul Sartre*. London: Routledge.
- Wetherell, M. (2001). Themes in Discourse Research: The case of Diana. In Wetherell, Taylor, S., & Yates, S. J. (Eds.), *Discourse Theory and Practice: A Reader*. London: SAGE.
- Wu, H. J. & Theng, Y. L. (2005). *Weblog Archives: Achieving The Recordness of Web Archiving*. Digital Culture and Heritage, Bibliotheque Nationale De France, Paris, 21-23 September.